

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 MEI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Negara mungkin import gas sepenuhnya menjelang 2050

Negara mungkin import gas sepenuhnya menjelang 2050

Malaysia perlu segera laksana pelan peralihan kepada penggunaan tenaga lebih bersih

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia berkemungkinan perlu mengimport gas sepenuhnya menjelang 2050 untuk menjana tenaga elektrik jika kerajaan tidak membuat peralihan kepada penggunaan tenaga yang lebih bersih, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, setakat tahun lalu, Malaysia mengimport sebanyak 25 peratus gas untuk menjana tenaga elektrik dan keadaan itu dilihat akan berterusan di mana tahun ini negara dijangka akan mengimport sehingga 30 peratus gas untuk tenaga elektrik.

Justeru, jelasnya, kerajaan melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) supaya negara tidak ketinggalan dalam peralihan global ke arah



Rafizi pada sesi bual bicara Ekonomi MADANI Mampan-Rakyat Sejahtera di Auditorium INTAN Bukit Kiara, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

penggunaan tenaga bersih.

"Tahun lalu jumlah gas yang kita gunakan untuk menjana elektrik, 25 peratusnya perlu diimport dan tahun ini dijangka jumlah itu meningkat 30 peratus.

"Sekiranya keadaan ini berterusan sudah pasti pengeluaran gas dalam negara semakin menurun dan jika tiada sebarang tindakan dibuat menjelang 2050, kita akan bergantung kepada import gas untuk menjana elektrik negara," katanya pada program 'INTAN Minister's Conversation' (IMC) 2024

di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Kuala Lumpur, semalam.

IMC adalah antara satu daripada Program Bicara Intan membabitkan pemimpin tinggi kerajaan dan juga perkhidmatan awam yang membincangkan perkara berimpak tinggi berkaitan dengan isu dan dasar semasa negara serta berskala besar dengan tema tertentu.

Wacana untuk siri IMC yang pertama itu memfokuskan berkenaan dengan usaha dan upaya

pembinaan dan pembangunan ekonomi yang mampan di negara kita demi kesejahteraan rakyat.

Perkuuh ekosistem semikonduktor

Sementara itu, Rafizi turut menyentuh mengenai keperluan kerajaan untuk mengukuhkan ekosistem semikonduktor negara.

Beliau berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan langkah terbaik untuk memperkuuhkan keseluruhan ekosistem semikonduktor di negara ini dengan melahirkan lebih banyak pengehuar cip semikonduktor tempatan.

Katanya, sebagai permulaan, kerajaan meninjau untuk menyediakan langkah lonjakan awal seperti keperluan dasar untuk menggalakkan perubahan firma reka cipta cip tempatan.

Jelasnya, langkah lonjakan awal itu penting sebagai sokongan untuk syarikat reka cip tempatan beroperasi dalam persaingan sendiri pemain semikonduktor global.

"Lonjakan awal ini terdiri daripada keperluan dasar untuk membolehkan sebahagian daripada kelengkapan negara kita menggunakan cip tempatan.

"Ini perkara yang kita pertimbangkan bagi membina semikonduktor yang bersandarkan kepada reka cipta cip yang lebih baik," katanya.